

UCAPAN PERDANA MENTERI, DI UPACARA  
PEMBUKAAN RASMI KOMPLEKS PERKAYUAN  
MENTIGA, PEKAN, PAHANG PADA 16HB JUN,  
1973

Y.B. Datuk Muhammad Jusoh,<sup>1</sup> Y.T.M. Tengku Ariff Bendahara,<sup>2</sup>  
Dif-dif yang terhormat, Tuan-tuan, Puan-puan dan saudara-  
saudara sekalian,

Saya merasa sungguh gembira kerana pada saat yang bertuah ini kita dapat berhimpun bersama-sama di sini untuk mencatatkan peristiwa yang amat besar maknanya kepada Negeri Pahang, khususnya kepada rakyat di Pekan ini.

Hari ini bandar Pekan yang selama ini jauh ketinggalan dalam arus kemajuan moden telah membuka lembaran sejarah dan meningkat maju ke hadapan sebagai satu pusat perindustrian iaitu dengan adanya Kompleks Perkayuan Mentiga yang akan dirasmikan pembukaannya sebentar lagi.

Sesungguhnya peristiwa hari ini mempunyai keistimewaan yang lebih besar—a special significance—dengan adanya bersama-sama kita di sini tetamu agung dan pemimpin rakyat Burma—Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Ne Win beserta isterinya—yang telah sudi datang melawat beristirehat di Pahang dalam bidang lawatannya ke Malaysia. Kehadiran tamu-tamu agung itu sudah tentu menambah sempena serta lebih menyerikan majlis pembukaan ini.

Your Excellency and Madam Ne Win,

Today is indeed a day of special significance to the people of Pahang, and particularly to the people in this humble town of Pekan. For me personally, it give me an added pleasure to welcome you to my own home town where I spent most of my childhood some forty years ago. We are much honoured by your presence on this auspicious occasion of a major event for this little town which not very many years ago was a mere village in the

---

<sup>1</sup> Pemangku Menteri Besar Pahang.

<sup>2</sup> Pengerusi Kompleks Perkayuan Mentiga, Pahang.

backwaters and quite often during the monsoon season cut off from mainstream of civilization.

The opening of this Mentiga Integrated Complex is symbolic in the sense that it marked the advent of the technological era transforming what was once a "sleepy hollow" into a new industrial centre. With this modest beginning, the people can look forward to greater changes in their livelihood and way of life, particularly for the future generations.

Tuan-tuan, Puan-puan dan saudara-saudara sekalian,

Saya tidak dapat menyatakan betapa gembiranya perasaan saya dengan perkembangan dan kemajuan yang berlaku di Pekan, terutama sejak lima enam tahun yang lepas. Bagi orang-orang yang lama tentulah mereka masih ingat betapa sedihnya keadaan di masa itu, sebelum ada jambatan terpaksa menunggu feri berjam-jam untuk pergi ke pejabat-pejabat Kerajaan dari seberang sini.

Syukur Alhamdulillah, keadaan sudah berubah dengan kemajuan-kemajuan pesat dan bandar Pekan kita pun sudah berubah wajah dengan bangunan-bangunan baru, kedai-kedai dan juga pejabat-pejabat Kerajaan. Di seberang sini pun memanglah sangat elok dimajukan juga kerana tanah-tanahnya lebih tinggi dan lebih selamat dari bencana banjir.

Saya bersetuju pembangunan baru untuk bandar Pekan ini lebih eloklah di Peramu ini tambahan pula kerana kawasan masih luas untuk bangunan-bangunan Kerajaan seperti Muzium dan juga Balai Polis dan lain-lain yang difikirkan patut. Memandang lebih jauh ke hadapan, tak dapat tiada kemajuan dan perkembangan akan berlaku pesat lagi di sebelah sini.

Tuan-tuan, Puan-puan dan saudara-saudara sekalian,

Seperti yang dikatakan oleh Datuk Pengerusi tadi, Mentiga Timber Complex ini merupakan julung-julung kejayaan joint venture tiga pihak iaitu Perbadanan Ekonomi Negeri, TAB Timber dan rakan dari Kanada, iaitu Syarikat MacMillan Bloedel.

Saya sangat sukacita dan berpuas hati kerana keputusan mengadakan joint-venture itu bukan saja mendapat sambutan yang begitu baik tetapi dapat dibuktikan kejayaannya dalam masa yang

singkat. Saya percaya hakikat ini akan dijadikan contoh tauladan oleh syarikat-syarikat yang menjalankan perusahaan yang sama seperti Bukit Ibam, Lesong dan lain-lain lagi.

Tuan-tuan, puan-puan dan saudara-saudara sekalian,

Seperti yang telah saya katakan di masa-masa lepas, kekayaan alam yang masih ada hendaklah digunakan sepenuhnya untuk kebajikan rakyat dan bagi kepentingan rakyat yang lebih ramai. Dengan yang demikian, sudah sewajarnya Kerajaan mengambil inisiatif seperti ini iaitu mengambil peranan yang aktif memajukan perusahaan kayu-kayan dengan kerjasama pihak swasta dalam dan luar negeri yang mempunyai pengalaman luas di bidang ini. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terimakasih kepada Syarikat MacMillan Bloedel yang bersedia bekerjasama dengan penuh untuk menjayakan projek Mentiga ini.

Begitu juga tidak ketinggalan saya ingin menyatakan penghargaan dan terimakasih kepada TAB Timber yang turut memberikan kerjasama dalam joint-venture ini. Adalah dimaklum juga bahawa berhubung dengan kekayaan hutan yang masih ada dalam Kawasan Rancangan Pahang Tenggara, langkah-langkah sudah pun diambil untuk mendapatkan rakan perkongsian luar negeri yang baik dan berpengalaman bagi menjayakan Projek Lesong. Saya diberitahu ada banyak permohonan yang diterima dan hanya tinggal menentukan pilihannya sahaja dan selepas itu bolehlah kita lihat syarikat Lesong bergerak cergas seperti syarikat Mentiga ini.

Serentak dengan itu, Kerajaan Negeri telahpun menubuhkan Syarikat Perkayuan Induk untuk mengendalikan perusahaan membalak dan sawmill dengan mengadakan Syarikat-syarikat anak di beberapa daerah yang ditentukan. Saya ingin melihat syarikat-syarikat ini berjalan dengan segera supaya tujuan kita hendak membuktikan hakikat menyusun semula masyarakat dengan memberi penyertaan rakyat Bumiputra dalam perusahaan-perusahaan moden dapat dicapai dalam tempoh Rancangan Lima Tahun Kedua ini.


Berhubung dengan itu, amatlah mustahak diperhatikan supaya perusahaan-perusahaan itu benar-benar berjaya supaya faedahnya dapat dirasa dan dinikmati oleh rakyat. Dalam hal ini, orang-orang Pekan bolehlah dikatakan beruntung kerana dalam sedikit masa lagi sebahagian dari saham Syarikat ini yang dipegang oleh

Lembaga akan dikeluarkan kepada mereka dan dengan itu dapatlah mereka menikmati hasil dari perusahaan ini. Begitu juga berkenaan dengan syarikat lain, apabila telah kuat kedudukannya dan mulai mendapat untung, bolehlah saham-saham dikeluarkan kepada rakyat di tempat-tempat lain pula supaya nikmat ini dapat dirasakan bersama.

Saya sukacita juga menyebutkan di sini iaitu selain dari membuka peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk di Pekan khususnya Syarikat ini juga membuka kesempatan kepada Belia-belia Pelupur untuk mendapatkan latihan kemahiran dalam lapangan teknik perkayuan dan cawangan-cawangan lain. Langkah ini sangatlah baik dan saya sukacita Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dapat mengaturkan sekim latihan ini. Dengan demikian, akan lebih ramai lagi tenaga mahir dapat diadakan bukan saja untuk kilang ini bahkan juga untuk kilang-kilang lain yang akan didirikan kelak.

Tuan-tuan, puan-puan dan saudara-saudara sekalian,

Akhir kata, sekali lagi saya menyatakan penghargaan dan terimakasih atas penghormatan untuk merasmikan Kompleks Perkayuan Mentiga ini. Dengan nama Allah, saya isytiharkan pembukaan komplek ini sambil berdoa mudah-mudahan perusahaan ini sentiasa diberkatiNya untuk membawa kemajuan dan kejayaan yang gemilang di masa akan datang.



Tun Abdul Razak bin Hussein sedang berucap ketika merasmikan Pertandingan Hoki Kawasan Asia Timur di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur pada 20hb Jun, 1973.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)